

10 OCT 2000

SC-PENGAWASAN

SC SETUJU SEDIAKAN BANTUAN UNTUK JAWATANKUASA PENGAWASAN

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah bersetuju menyediakan bantuan permulaan berjumlah RM200,000 bagi mewujudkan jawatankuasa pengawasan tetap yang bertujuan melindungi kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti, kata setiausaha parlimen Kementerian Kewangan, Encik Hashim Ismail hari ini.

Beliau berkata jawatankuasa pengawasan sementara yang terdiri daripada pelabur-pelabur institusi utama telah diwujudkan pada bulan April tahun ini. Ia terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, SOCSO, Permodalan Nasional Bhd, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Lembaga Urusan Tabung Haji.

Hashim berkata jawatankuasa tetap dijangka dibentuk menjelang akhir tahun ini supaya ia dapat berfungsi awal tahun depan.

Beliau berkata jawatankuasa itu sebenarnya memerlukan RM2 juta setahun untuk membiayai operasinya.

Sementara pembiayaan permulaan RM200,000 akan disediakan oleh SC, baki peruntukan akan didapatkan daripada anggota-anggota jawatankuasa, kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Balai Ikstisas Malaysia - Persidangan Kebangsaan Pentadbiran Korporat Institut Malaysia 2000 mengenai Isu dan Keutamaan dalam Pentadbiran Korporat: Peranan dan Tanggungjawab Yang akan muncul bagi Para Profesional.

Hashim juga mendedahkan yang jawatankuasa pengawasan pada masa ini sedang cuba menyiapkan perkara-perkara terperinci mengenai operasi dan fungsi operasi.

Pada peringkat awal, beliau berkata jawatankuasa itu akan diletakkan di bawah Kementerian Kewangan sebelum dijadikan badan persendirian.

Daripada segi operasi, beliau berkata jawatankuasa akan menasihati syarikat-syarikat terutamanya dalam bidang teknikal dan fungsi di samping memainkan peranan penting dalam membentuk amalan-amalan pentadbiran syarikat.

Sementara itu, presiden MICG Datuk Megat Najmuddin Megat Khas berkata jawatankuasa itu juga boleh "mendesak" lembaga-lembaga pengarah syarikat jika terdapat sebarang perselisihan ataupun perbezaan.

"Oleh yang demikian, jawatankuasa ini boleh membuat laporan kepada badan-badan pengawasan atau berkanun seperti SC, Bursa Saham Kuala Lumpur, dan Kementerian Kewangan jika mereka merasakan sesuatu "yang kurang enak" atau jika para pengarah telah melakukan sesuatu yang membahayakan pemegang-pemegang saham minoriti," kata beliau.

Jawatankuasa itu boleh menjadi pusat setempat untuk pemegang-pemegang saham minoriti untuk membuat rujukan jika mereka mempunyai keraguan ataupun aduan, kata beliau.

Beliau menjelaskan badan itu tidak mempunyai sebarang kuasa perundangan memandangkan Malaysia telahpun mempunyai undang-undang dan peraturan untuk pentadbiran syarikat dan perniagaan yang cukup.

Megat Najmuddin berkata jawatankuasa itu boleh membimbing pemegang-pemegang saham minoriti bagaimana mereka boleh memainkan peranan yang lebih berkesan di dalam syarikat di samping melindungi kepentingan mereka sendiri.

Sementara itu, mengulas mengenai pasaran saham tempatan, beliau berkata kekuatan fundamental negara akan menjamin kekukuhan bursa walaupun prestasi pada masa ini tidak begitu menggalakkan.

Beliau berkata lebih dagangan untuk bulan Ogos yang diumumkan baru-baru ini juga merupakan satu lagi petunjuk yang menunjukkan fundamental ekonomi Malaysia kukuh.

Beliau menambah misi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke United Kingdom baru-baru ini jelas menggambarkan pendekatan agresif Malaysia untuk menarik lebih banyak pelaburan asing seberang laut.

"Perdana Menteri mempromosikan Malaysia di seluruh negara bagi menarik pelaburan jangka panjang," kata beliau. -- BERNAMA

RIZ SHY AA OS